

**MEMO BENDAHARI BIL 01/2021**

**NO. RUJUKAN** : UNISEL/PB/500/04/2021(01)  
**KEPADA** : SEMUA STAF UNIVERSITI SELANGOR  
**DARIPADA** : BENDAHARI  
**TARIKH** : 31 Mei 2021  
**PERKARA** : URUSAN PEMBAYARAN PELEKAT KENDERAAN DI PEJABAT KESELAMATAN.

*Assalamualaikum wrt. wbt. & Salam Sejahtera,*

Dengan segala hormatnya Memo Pendaftar Bil. 09/2021 perkara di atas adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Lanjutan daripada perkara ini, Unit Kewangan Pelajar Kawalan Kredit, Pejabat Bendahari telah menyediakan QR CODE EWALLET untuk kemudahan staf bagi membuat pembayaran pembelian pelekat kenderaan. Perkhidmatan One Stop Centre EWALLET ini boleh digunakan di Pejabat Keselamatan di Kampus Bestari Jaya dan juga di Kampus Shah Alam.

3. Pemilik kenderaan/pemohon hanya perlu membawa borang pelekat kenderaan dan membuat bayaran di Pejabat Keselamatan sahaja tanpa perlu hadir ke Kaunter Kewangan Pelajar.

Sekian, untuk makluman.

"Peneraju Transformasi"

Yang benar,

  
**SITI AISYAH OMAR C.A. (M)**  
Pemangku Bendahari  
Universiti Selangor

**MEMO PENDAFTAR BIL.09/2021**

**KEPADA : SEMUA STAF / PELAJAR**

**DARIPADA : HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT  
PENDAFTAR**

**TARIKH : 25 MEI 2021**

**NO.RUJUKAN : (74) dlm.UNISEL/PP/01.10\_Jld.1**

**PERKARA : PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN PELEKAT KENDERAAN BAGI  
TAHUN 2021/2022**

*Assalamua'laikum wrt. Wbt & Salam Sejahtera*

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kali Ke-275 (Bil.20/2021) telah menetapkan penguatkuasaan penggunaan pelekat kenderaan bagi tahun 2021/2022 kepada semua kenderaan staf, pelajar dan kontraktor yang memasuki kawasan Kampus Universiti Selangor.

3. Pemilik kenderaan hendaklah mendaftarkan kenderaan masing-masing menggunakan **BORANG PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN [UNISEL-PT10-SO-PK01-BO01]** seperti yang dilampirkan. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan Covid-19, pembelian pelekat kenderaan secara pukal mengikut fakulti / bahagian / jabatan masing-masing adalah digalakkan.

4. Kadar harga pelekat kenderaan adalah seperti berikut :

BIL	KATEGORI PELEKAT	KERETA (Pelekak Pertama)	KERETA (Pelekak Kedua)	MOTOSIKAL
1.	Kenderaan Universiti	Percuma	Percuma	Percuma
2.	Kenderaan Staf	RM 5.00	RM 10.00	RM 3.00
3.	Kenderaan Pelajar	RM 5.00	Tiada	RM 3.00
4.	Kenderaan Kontraktor	RM 10.00	Tiada	RM 5.00

5. Pembelian pelekak kenderaan 2021/2022 dibenarkan mulai **1 Jun 2021** dan penguatkuasaan penuh penggunaannya akan dilaksanakan mulai **1 Julai 2021**.

Borang permohonan pembelian pelekak kenderaan yang lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat Keselamatan Bangunan Canselori (Bestari Jaya) dan Pejabat Keselamatan (Shah Alam) bagi tujuan tersebut.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

  
**HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT**  
Pendaftar